

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my
Serdang

Bekam

Jana pendapatan Hamidah

Ketika mahasiswa lain cenderung memilih perniagaan berasaskan pakaian dan produk kecantikan, Hamidah Che' Meh, 27, bagaimanapun tampil dengan kelainan apabila memilih perkhidmatan berbekam sebagai perniagaannya.

Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pengkhususan Bahasa Arab, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu, memilih perkhidmatan berbekam bagi menjana pendapatan sampingan kerana yakin dengan kelebihan teknik perubatan alternatif itu yang memberi banyak manfaat kepada badan.

Katanya, bekam yang disediakan bersama-sama rakan lain bukanlah perkhidmatan biasa, sebaliknya adalah bekam ruqyah yang dijalankan dengan bacaan ayat suci al-Quran.

"Tujuan bacaan ayat al-Quran adalah untuk mengelak kami daripada terkena sihir dan gangguan makhluk halus yang ada pada pelanggan.

Alami gangguan

"Selain itu, antara teknik yang dilatih ketika saya mengikuti kursus mengenai bekam ruqyah di sebuah pusat terapi di Shah Alam dua tahun lalu," katanya.

Berkongsi pengalaman sepanjang menjalankan perkhidmatan itu, Hamidah pernah merawat pesakit yang mengalami gangguan dan berbekalkan ilmu yang dipelajari, semua itu dapat diatasi dengan baik.

Katanya, rawatan bekam membantu menyele-



Berbekam dapat mengeluarkan **darah kotor dan toksin dalam tubuh.**



saikan masalah kesihatan yang tidak mampu diatasi dengan rawatan moden di samping menyegarkan serta menyihatkan badan.

"Kami menawarkan harga istimewa kepada mahasiswa yang ingin mendapatkan perkhidmatan bekam iaitu RM5 bagi satu cawan bekam, manakala RM7

bagi pelanggan lain dengan penggunaan minimum 20 cawan.

"Jumlah cawan yang digunakan dalam

satu sesi rawatan bergantung kepada permintaan pelanggan dan jenis penyakit," katanya.

Darah kotor

Hamidah berkata, rawatan bekam boleh dilakukan untuk pelbagai jenis penyakit, antaranya resdung, lemah badan, darah tinggi, kencing manis, asma dan sakit lutut kerana bekam mengeluarkan darah kotor yang dipercayai menjadi punca sesuatu penyakit.

Kebiasaannya, beliau berkata, jika pelanggan tidak mempunyai sebarang penyakit kronik dan sekadar mahu mencuba berbekam, beliau akan meletakkan cawan bekam pada titik organ utama pada

RAWATAN BEKAM BOLEH DILAKUKAN UNTUK PELBAGAI JENIS PENYAKIT, ANTARANYA RESDUNG, LEMAH BADAN, DARAH TINGGI, KENCING MANIS, ASMA DAN SAKIT LUTUT KERANA BEKAM MENGELUARKAN DARAH KOTOR YANG DIPERCAYAI MENJADI PUNCA SESUATU PENYAKIT

Hamidah Che' Meh,
Mahasiswa

belakang badan seperti jantung, hati, paru-paru, buah pinggang, pankreas dan pundi kencing.

"Kebersihan adalah aspek penting yang perlu dititikberatkan dalam perkhid-

matan berbekam. Oleh itu, setiap kali selesai rawatan, saya akan mensterilkan cawan yang digunakan dalam cecair khas bagi memadamkan kuman dan bakteria," katanya.



Set berbekam yang digunakan Hamidah untuk merawat pelanggannya.

